

Nama: \_\_\_\_\_ Kelas : \_\_\_\_\_

**SULIT**  
**Bahasa Melayu**  
**Kertas 1**  
**Set 2/2004**  
**1 Jam**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN**  
**UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH**  
**PORTAL PENDIDIKAN UTUSAN 2004**

**BAHASA MELAYU**  
**Ujian Pemahaman**  
Satu jam

**Arahan Am:**

1. Kertas soalan ini mengandungi 50 soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.
4. Fikir dengan teliti ketika memilih jawapan. Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan sehingga bersih tanda yang tidak dikehendaki itu dan kemudian bulatkan pilihan anda yang baru.

### Soalan 1 hingga Soalan 5

Baca rencana di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Terdapat kira-kira 4 500 jenis mamalia yang menghuni alam ini. Kucing, anjing, kambing, dan lembu merupakan mamalia yang kita kenali. Bagaimanapun, ada antaranya yang tidak pernah kita lihat.

Mengikut kajian ahli-ahli sains, mamalia asalnya berkembang daripada satu kumpulan reptilia yang disebut *sinapsid*. Reptilia ini wujud kira-kira 300 juta tahun dahulu. Beberapa juta tahun kemudian, daripada reptilia ini lahir satu kumpulan baru yang disebut *therapsid*. Selanjutnya, kumpulan reptilia ini membentuk pelbagai sifat baru yang kemudiannya merupakan sifat-sifat yang terdapat pada mamalia. Apabila tiba Zaman Jurasik, iaitu kira-kira 150 juta tahun dahulu, mamalia dikatakan telah terbentuk. Salah satu kumpulan ini akhirnya melahirkan haiwan marsupial dan plasenta. Evolusi mamalia sehingga seperti yang terdapat kini, bermula apabila pupusnya dinosaur yang berlaku pada penghujung Zaman Batu Kapur.

Kepelbagaian yang terdapat dalam kehidupan mamalia sama ada dari segi bentuk, saiz mahupun tabiatnya sentiasa menarik perhatian manusia. Ahli zoologi tidak jemu-jemu mengkaji haiwan untuk benar-benar memahami perihal haiwan-haiwan tersebut dan tentang hubungannya dengan kehidupan manusia yang sama-sama menghuni alam ini. Daripada hasil kajian yang dijalankan, mereka mendapati bahawa mamalia terbesar ialah ikan paus biru. Ikan paus ini dapat membesar sehingga melebihi 30 meter panjang dan beratnya pula mencapai lebih daripada 150 tan metrik. Sementara itu, Kelawar Kitti yang terdapat di Negara Thai ialah mamalia yang paling kecil. Beratnya cuma lebih kurang dua gram sahaja. Mamalia seperti gajah dapat hidup sehingga 60 tahun. Manusia dapat hidup sehingga lebih 100 tahun, manakala kebanyakan tikus pula hanya hidup selama kira-kira setahun.

Dalam perkembangan atau evolusi yang memakan masa berjuta-juta tahun ini, berbagai-bagai peristiwa alamiah berlaku yang turut mengakibatkan **kepunasan** beberapa spesies atau jenis mamalia. Perubahan yang berlaku pada cuaca serta beberapa gelombang glasier yang melanda dunia mengakibatkan kepunasan tersebut. Walaupun demikian, kewujudan satu jenis mamalia baru turut terlibat mempercepat kepunasan pelbagai jenis mamalia. Kumpulan mamalia baru ini ialah manusia.

1. Bilakah dikatakan mamalia mula terbentuk?
  - A. 50 juta tahun dahulu
  - B. 100 juta tahun dahulu
  - C. 150 juta tahun dahulu
  - D. 300 juta tahun dahulu

2. Yang berikut merupakan hasil kajian ahli sains tentang mamalia, **kecuali...**
- A. Kelawar Kitti merupakan mamalia yang paling kecil.
  - B. Ikan paus biru merupakan mamalia yang paling besar.
  - C. Gajah merupakan mamalia yang hidup paling lama.
  - D. Berat ikan paus biru dapat mencapai lebih daripada 150 tan metrik.
3. Kata **kepuasan** dalam petikan bermaksud...
- A. berkurang bilangannya.
  - B. hilang lenyapnya.
  - C. berubah bentuknya.
  - D. tidak membiak.
4. Pada pendapat anda, mengapakah kewujudan manusia mempercepat kepupusan haiwan mamalia yang lain?
- A. Manusia tidak suka kepada haiwan mamalia yang lain.
  - B. Haiwan mamalia tidak sesuai hidup dengan manusia.
  - C. Manusia memburu haiwan mamalia untuk kegunaan mereka.
  - D. Manusia menyebarkan penyakit yang membunuh haiwan mamalia.
5. Pilih pernyataan yang tidak benar tentang petikan.
- A. Ikan paus merupakan mamalia yang tinggal di dalam laut.
  - B. Mamalia yang paling kecil boleh ditemukan di Negara Thai.
  - C. Terdapat lebih daripada 4 000 jenis mamalia di alam ini.
  - D. Mamalia telah pupus kerana wujudnya manusia.

### **Soalan 6 hingga Soalan 10**

*Baca ucapan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Yang Dihormati Tuan Pengerusi Majlis, Yang Berusaha Tuan Pengetua, guru-guru, dan rakan-rakan yang budiman. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan sekelas saya kerana mengadakan majlis ini untuk saya.

Rakan-rakan yang budiman,

Esok ialah hari terakhir saya di sekolah ini. Pada minggu hadapan, saya akan melanjutkan pelajaran saya di Maktab Rendah Sains Mara, Johor Bahru. Sebenarnya, saya tidak menjangka bahawa saya akan terpilih untuk memasuki maktab tersebut. Hal ini demikian kerana terdapat banyak pelajar lain yang lebih baik daripada saya dari segi akademik. Tuan Pengetua memberitahu saya bahawa ada kemungkinan pemilihan saya adalah kerana saya bergiat aktif

dalam bidang kokurikulum. Jika hal itu ialah kriteria pemilihan, saya bersyukur kerana tidak mengabaikan bidang kokurikulum.

Rakan-rakan yang budiman,

Kejayaan saya dalam bidang akademik merupakan hasil dorongan dan nasihat guru-guru. Dedikasi dan minat yang ditunjukkan oleh mereka telah mencetuskan minat saya terhadap pelajaran. Kepada guru semua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih. Walaupun saya akan meninggalkan sekolah ini, jasa guru-guru tidak akan saya lupakan.

Kepada rakan-rakan sekelas, gurau senda dan gelak ketawa kalian akan menjadi kenangan manis saya di sekolah ini. Walaupun saya tidak lagi menempuh dunia persekolahan bersama-sama dengan kalian, saya yakin kalian akan belajar dengan sungguh-sungguh untuk memperoleh kejayaan yang cemerlang.

Akhir kata, saya ingin memohon maaf daripada guru-guru dan rakan-rakan sekiranya ada perbuatan saya selama ini menyinggung perasaan kalian.

Sekian, terima kasih.

6. Apakah majlis yang diadakan itu?
  - A. majlis Hari Guru
  - B. majlis persaraan
  - C. majlis perpisahan
  - D. majlis penyampaian hadiah
  
7. Mengapakah penyampai ucapan tidak menjangka bahawa dia akan terpilih untuk memasuki Maktab Rendah Sains Mara?
  - A. dia sering gagal dalam peperiksaan sekolah
  - B. dia tidak memohon untuk memasuki maktab itu
  - C. ada pelajar lain yang lebih baik daripadanya dari segi akademik
  - D. dia tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan untuk memasuki maktab itu
  
8. Apakah kelebihan penyampai ucapan jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar lain yang tidak terpilih untuk memasuki Maktab Rendah Sains Mara?
  - A. Keputusan peperiksaannya adalah yang terbaik di sekolahnya.
  - B. Bapanya ialah pengetua Maktab rendah sains Mara.
  - C. Dia bergiat aktif dalam kegiatan kokurikulum.
  - D. Dia mendapat sokongan daripada guru-guru di sekolahnya.
  
9. Perkataan kriteria dalam petikan bermaksud...
  - A. punca yang menyebabkan berlakunya sesuatu.
  - B. Akibat daripada sesuatu tindakan.
  - C. tujuan untuk melakukan sesuatu.
  - D. ukuran untuk menentukan nilai sesuatu.

10. Apakah perkara yang akan menjadi kenangan manis kepada penyampai ucapan?

- A. Pemilihannya untuk memasuki Maktab Rendah Sains Mara.
- B. Peristiwa suka duka yang dialami bersama-sama dengan rakannya.
- C. Dedikasi dan minat guru-gurunya terhadap kebajikannya.
- D. Pengalamannya semasa mewakili sekolah dalam bidang kokurikulum.

### **Soalan 11 hingga Soalan 15**

*Baca jadual di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Pada 14 Oktober 2005 ini, Persatuan Belia Daerah Sepang akan menganjurkan majlis Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia Peringkat Daerah Sepang. Program Tahunan yang diadakan sejak tahun 1998 ini bertujuan untuk mengiktiraf dan menghargai peranan kanak-kanak sebagai sebahagian daripada anggota masyarakat. Majlis tersebut akan diadakan di Dewan Serbaguna Sri Muda.

Jadual atur cara majlis tersebut adalah seperti yang berikut:

#### **ATUR CARA MAJLIS**

8.00 pagi	:	Ketibaan para jemputan
8.30 pagi	:	Ketibaan tetamu khas
8.40 pagi	:	Persembahan nasyid Majlis Kanak-Kanak Daerah Sepang
9.00 pagi	:	Persembahan pantomin oleh murid-murid Sekolah Kebangsaan Dato' Musa
10.00 pagi	:	Bacaan ikrar Hari Kanak-kanak Sedunia ke-49 diketuai oleh adik Farhan bin Ibrahim
10.15 pagi	:	Ucapan alu-aluan oleh Tuan Haji Mahmud Dahlan, Pengerusi sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia Peringkat Daerah Sepang, Merangkap Pengerusi Majlis Kanak-kanak Daerah Sepang.
10.45 pagi	:	Ucapan perasmian oleh Yang Berbahagia Datuk Fuad Bin Iskandar Musa, Pengerusi Majlis Kanak-kanak Kebangsaan
11.15 pagi	:	Jamuan ringan
11.35 pagi	:	Majlis Penyampaian Anugerah Tunas Bakti Penerima Anugerah Tunas Bakti (Lelaki) – Mohd. Yusri bin Shahbudin Penerima Anugerah Tunas Bakti (Perempuan) – Nur Hidayah binti Abu Yusof
12.20 pagi	:	Majlis penyampaian cenderahati kepada Yang Berbahagia Datuk Fuad Iskandar Musa
12.30 pagi	:	Nyanyian lagu kebangsaan dan bacaan doa
12.40 tengah hari	:	Jamuan dan majlis bersurai

11. Tujuan utama majlis Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia Peringkat Daerah Sepang diadakan adalah untuk...
- A. mengiktiraf dan menghargai peranan kanak-kanak sebagai sebahagian daripada anggota masyarakat
  - B. menghiburkan hati kanak-kanak
  - C. menghargai sumbangan yang telah diberikan oleh kanak-kanak kepada masyarakat
  - D. mengiktiraf kebolehan dan kemampuan kanak-kanak dalam semua bidang yang diceburi
12. Siapakah pengerusi sambutan Hari Kanak-kanak Peringkat Daerah Sepang?
- A. Datuk Fuad Bin Iskandar Musa
  - B. Tuan Haji Mahmud Dahlan\*
  - C. Mohd. Yusri bin Shahbudin
  - D. Farhan bin Ibrahim
13. Acara kemuncak dalam majlis itu ialah...
- A. bacaan ikrar Hari Kanak-kanak Sedunia ke-47.
  - B. persembahan nasyid Majlis Kanak-kanak Daerah Sepang.
  - C. penyampaian anugerah kepada pemenang-pemenang Anugerah Tunas Bakti.\*
  - D. nyanyian lagu kebangsaan dan bacaan doa.
14. Berapa lamakah majlis tersebut berlangsung?
- A. dua jam
  - B. tiga jam
  - C. empat jam
  - D. lima jam
15. Pernyataan yang berikut benar tentang petikan, **kecuali**...
- A. Farhan Ibrahim mengetuai bacaan ikrar Hari Kanak-Kanak Sedunia.
  - B. ucapan Datuk Fuad Bin Iskandar Musa mengambil masa setengah jam.
  - C. Anugerah Tunas Bakti dibahagikan kepada tiga kategori.
  - D. persembahan pantomin dipersembahkan oleh murid-murid Sekolah Kebangsaan Dato' Musa

**Soalan 16 hingga Soalan 20**

Baca iklan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

**INSTITUT PENGAJIAN BESTARI**

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan sebagai tenaga pengajar di institut kami bagi bidang-bidang yang berikut:

- Pengajian Sains dan Komputer
- Pengajian Matematik
- Pengajian Sastera

Kelulusan: Sijil Perguruan

Gaji dan elaun akan diberikan berdasarkan kelayakan dan pengalaman. Sila hantarkan butir-butir peribadi yang lengkap kepada:

Pengetua Institut Pengajian Bestari  
Tingkat 3, Bangunan Alam Sentral,  
41050 Shah Alam, Selangor.

Atau hubungi kami di nombor 03 - 42911126

Tarikh tutup: 14 Disember 2004

Hanya calon-calon yang layak akan dipanggil untuk temu duga.

16. Iklan tersebut adalah berkaitan dengan...

- A. tawaran belajar.
- B. pengajian yang ditawarkan.
- C. jawatan kosong.
- D. peluang melanjutkan pelajaran.

17. Calon yang ingin memohon mestilah..

- A. berumur tidak lebih daripada 30 tahun.
- B. warganegara Malaysia dan berpengalaman.
- C. berpengalaman selama enam tahun dalam pengajian yang ingin dipohon.
- D. warganegara Malaysia dan mempunyai Sijil Perguruan.

18. Jawatan yang ditawarkan adalah sebagai...
- A. guru.
  - B. pengetua.
  - C. pensyarah sambilan.
  - D. pengajar Matematik.
19. Berapakah jumlah gaji yang akan diberikan kepada calon yang berjaya?
- A. berdasarkan kelayakan
  - B. berdasarkan pengalaman
  - C. lebih kurang RM3 000.00
  - D. bergantung kepada kelayakan dan pengalaman
20. Pernyataan yang berikut adalah benar, **kecuali**...
- A. permohonan boleh dibuat melalui surat atau telefon.
  - B. terdapat tiga jawatan yang ditawarkan.
  - C. calon yang dipilih akan dipanggil untuk sesi temu duga.
  - D. permohonan perlulah dihantar selepas 14 Disember 2004.

**Soalan 21 hingga Soalan 32**

*Pilih jawapan yang paling sesuai untuk diisikan ke tempat kosong dalam ayat di bawah.*

21. Pelancong asing sangat berpuas hati dengan layanan \_\_\_\_\_ penduduk negara ini.
- A. padu
  - B. erat
  - C. mesra
  - D. manis
22. Persembahan kumpulan lawak itu telah berjaya \_\_\_\_\_ hati para penonton.
- A. mengubat
  - B. mencuit
  - C. mencubit
  - D. menyentuh

23. Peperangan di Iraq menyebabkan berjuta-juta orang penduduknya menanggung \_\_\_\_\_.
- A. penyesalan
  - B. penindasan
  - C. pengorbanan
  - D. penderitaan
24. Dalam perbincangan itu Razlan telah mengemukakan beberapa \_\_\_\_\_ yang bernas.
- A. kajian
  - B. saranan
  - C. perasaan
  - D. pendapat
25. Keracunan makanan berlaku apabila seseorang itu \_\_\_\_\_ makanan yang tercemar.
- A. dimakan
  - B. pemakanan
  - C. termakan
  - D. pemakan
26. Sebagai seorang \_\_\_\_\_ fesyen, Sue Lin selalu dapat menggayakan fesyen baru.
- A. digemari
  - B. menggemari
  - C. penggemar
  - D. kegemaran
27. \_\_\_\_\_ hujan turun dengan lebat, air sungai itu tidak melimpah.
- A. Apabila
  - B. Walaupun
  - C. Setelah
  - D. Kecuali
28. Beberapa orang tetamu khas tidak datang ke majlis itu. \_\_\_\_\_ atur cara majlis tetap diteruskan seperti yang dirancang.
- A. Oleh sebab itu
  - B. Tambahan pula
  - C. Namun demikian
  - D. Sementara itu

29. \_\_\_\_\_ menghadapi pelbagai rintangan, \_\_\_\_\_ Fakhrul tetap berusaha sehinggalah dia berjaya.
- A. Di samping itu ...namun
  - B. Setelah itu...akhirnya
  - C. Walaupun...namun
  - D. Ketika...justeru
30. Datin Maimunah menghadiahkan ibunya se\_\_\_\_\_ kerongsang berlian sempena Hari Ibu.
- A. sebiji
  - B. sebutir
  - C. sebetuk
  - D. sepasang
31. Ravindran membantu orang tua itu mengangkat se\_\_\_\_\_ kayu api.
- A. ruas
  - B. ketul
  - C. butir
  - D. berkas
32. Kami menjumpai beberapa \_\_\_\_\_ cendawan busut ketika membersihkan semak samun berhampiran rumah nenek.
- A. ikat
  - B. kaki
  - C. batang
  - D. rumpun

**Soalan 33 dan Soalan 34**

*Pilih simpulan bahasa yang paling sesuai untuk diisikan di tempat kosong dalam ayat di bawah.*

33. Walaupun Pak Kasman seorang yang \_\_\_\_\_, namun semua anaknya berpelajaran tinggi dan bijak belaka.
- A. buta huruf
  - B. kaki bangku
  - C. berat tulang
  - D. tangkai jering

34. Murid-murid Tahun Enam Nilam tidak berani \_\_\_\_\_ apabila dimarahi oleh Cikgu Hasan.
- A. memberi muka
  - B. mengambil hati
  - C. mengangkat kaki
  - D. mengangkat muka

**Soalan 35 dan Soalan 36**

*Pilih perkataan **seerti** bagi perkataan yang **bergaris**.*

35. Pasukan renjer akhirnya berjaya mengesan jejak harimau yang membaham ternakan orang kampung.
- A. kesan
  - B. bunyi
  - C. bayang
  - D. perangkap

36. Pemuda itu tidak mengendahkan nasihat orang tuanya
- A. menghiraukan
  - B. mengingatkan
  - C. menunaikan
  - D. membiarkan

**Soalan 37 dan Soalan 38**

*Pilih perkataan **berlawan** bagi perkataan yang **bergaris**.*

37. Kami berasa kecewa apabila pasukan bola sepak sekolah kami kecundang dalam perlawanan itu.
- A. mara
  - B. tewas
  - C. cemas
  - D. menang
38. Puan Ramlah telah mengizinkan anaknya mengikuti rombongan sekolahnya ke Kelantan.
- A. meragui
  - B. menyuruh
  - C. menghalang
  - D. membenarkan

### Soalan 39

Pilih **soalan** yang paling sesuai bagi jawapan yang bergaris.

39. Kemakmuran ekonomi Malaysia menjadi daya tarikan kepada pendatang asing untuk berhijrah ke negara ini.
- A. Siapakah yang berhijrah ke negara ini?
  - B. Bilakah pendatang asing mula berhijrah ke negara ini?
  - C. Mengapakah pendatang asing tertarik untuk berhijrah ke negara ini?
  - D. Benarkah pendatang asing berhijrah ke negara ini kerana kemakmuran ekonominya?

### Soalan 40

Pilih **jawapan** yang paling sesuai kepada **soalan** yang bergaris.

40. Pukul berapa kamu bertiga sampai?
- A. Kami lewat sampai kerana kenderaan kami rosak di tengah jalan.
  - B. Kami akan sampai di Kuala Lumpur esok.
  - C. Lebih kurang pukul lapan pagi tadi.
  - D. Jangan bimbang kami akan segera sampai.

### Soalan 41 dan Soalan 42

Pilih ayat yang menggunakan **tanda baca** yang betul.

41. A. Tembikar dipercayai dibawa ke Asia Tenggara oleh para pedagang China pada Abad ke 10.  
B. Tembikar dipercayai dibawa ke Asia Tenggara oleh para pedagang China, pada abad ke 10.  
C. Tembikar dipercayai dibawa ke Asia Tenggara oleh pedagang China pada abad ke-10.  
D. Tembikar dipercayai dibawa ke Asia Tenggara oleh Pedagang China pada abad ke-10.
42. A. Puan Zaiton melarang anaknya Nini, bermain di situ kerana bimbang akan ditimpa buah kelapa.  
B. Puan Zaiton melarang anaknya, Nini bermain di situ kerana bimbang akan ditimpa buah kelapa.  
C. Puan Zaiton, melarang anaknya Nini bermain di situ kerana bimbang akan ditimpa buah kelapa.  
D. Puan Zaiton melarang, anaknya Nini bermain di situ kerana bimbang akan ditimpa buah kelapa.

### Soalan 43 dan Soalan 44

Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang bergaris.

43. Pembukaan tanah untuk pertanian menyebabkan flora dan fauna semakin pupus.
- A. Flora dan fauna pupus disebabkan oleh pertanian secara terbuka.
  - B. Penyebab kepupusan flora dan fauna ialah pembukaan tanah untuk pertanian.
  - C. Flora dan fauna yang pupus menyebabkan pembukaan tanah untuk pertanian.
  - D. Jika tanah pertanian dibuka, flora dan fauna pasti akan pupus.
44. “Jangan lupa basuh pinggan mangkuk selepas selesai makan nanti,” kata Puan Lily kepada anaknya.
- A. Puan Lily memberitahu anaknya supaya tidak lupa membasuh pinggan mangkuk setelah selesai makan.
  - B. Puan Lily dan anaknya diberitahu supaya membasuh pinggan selepas selesai makan .
  - C. Puan Lily mengatakan bahawa anaknya tidak lupa untuk membasuh pinggan mangkuk setelah selesai makan.
  - D. Puan Lily mengingatkan anaknya supaya membasuh pinggan mangkuk setelah selesai makan.

### Soalan 45

Pilih **perkataan berganda** yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah yang bermaksud **bilangannya banyak**.

45. I      Sudah berminggu-minggu dia tidak pulang ke rumah.  
II      Kami duduk-duduk di kantin sambil menunggu loceng dibunyikan.  
III     Puan Hamidah anak-beranak akan bercuti di Bali.  
IV      Rohani sering teringat-ingat akan adiknya di kampung.
- A. I dan III sahaja
  - B. III dan IV sahaja
  - C. I, II dan III sahaja
  - D. I, II, III dan IV

### Soalan 46

Pilih perkataan berganda yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah yang bermaksud **berulang-ulang**.

46. I Orang ramai berduyun-duyun untuk menyaksikan konsert Siti Nurhaliza.  
II Banyak kenderaan yang lalu-lalang di kawasan itu.  
III Salwa membelek-belek hadiah pemberian ibunya.  
IV Azrin tersenyum-senyum apabila dipuji oleh gurunya.
- A. I dan II sahaja  
B. III dan IV sahaja  
C. I, II dan III sahaja  
D. II, III dan IV sahaja

### Soalan 47 dan Soalan 48

Pilih ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan **betul**.

47. I Kulit muka Kak Suhaida sungguh halus.  
II Model itu memiliki tubuh yang halus.  
III Barangan kraf tangan itu halus buatannya.  
IV Gadis itu memiliki budi pekerti yang halus.
- A. I dan II sahaja  
B. III dan IV sahaja  
C. I, III dan IV sahaja  
D. I, II, III dan IV
48. I Tergamak kamu melepaskan tuduhan kepada saya.  
II Jali melepaskan burung yang ditangkapnya.  
III Gadis itu melepaskan rambutnya yang panjang mengurai.  
IV Syarikat itu telah melepaskan ramai pekerjaanya kerana kemelesetan ekonomi.
- A. I dan II sahaja  
B. II dan III sahaja  
C. III dan IV sahaja  
D. I, II dan III sahaja

**Soalan 49 dan Soalan 50**

*Pilih ayat-ayat yang betul.*

49. I Emak sangat marah apabila mendapati pasunya pecah.  
II Cikgu Rosli membeli komputer itu untuk kegunaannya sendiri.  
III Para tetamu-tetamu dipersilakan menikmati jamuan yang disediakan.  
IV Sarah kehilangan sebiji cincin permata semasa berjalan-jalan di bandar.
- A. I dan II sahaja  
B. II dan IV sahaja  
C. I, II dan III sahaja  
D. II, III dan IV sahaja
50. I Kami amat berpuas hati dengan layanan tuan rumah.  
II Majlis hari jadi Tina dihadiri oleh kawan-kawannya.  
III Ketibaan pelancong meningkatkan pendapatan negara.  
IV Adik telah habiskan seketul ayam goreng.
- A. I dan II sahaja  
B. III dan IV sahaja  
C. I, II dan III sahaja  
D. II, III dan IV sahaja

**KERTAS SOALAN TAMAT**